

Kerajaan tidak akan rombak nilai Ringgit

UM 6 JUL 2002

JITRA 5 Julai — Kerajaan tidak akan merombak tambatan nilai Ringgit Malaysia bagi memastikan ia tidak menjadi seperti 'permainan yo-yo' sehingga menyukarkan urusan perniagaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita tidak main dengan ringgit. Kita sudah ikat, mata wang orang lain lebih nilai, pun okey. Kita boleh terus berniaga dan eksport kita masih baik," katanya yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita ketika ditanya sama ada kerajaan akan merombak tambatan ringgit berdasarkan keadaan semasa.

Dr. Mahathir sebelum itu merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemuning di sini.

Beliau menjelaskan pada permulaan kerajaan mengikat nilai ringgit

RM3.80 berbanding USD1, terdapat pandangan supaya nilai ringgit diturunkan lagi kononnya kerana berlaku 'nilai pertukaran terlalu tinggi'.

"Sekarang suruh naikan pula nilai ringgit," katanya sambil menambah bahawa ia menunjukkan pandangan orang sebelum ini mengenai kadar tambatan itu adalah salah.

Sementara itu ketika ditanya mengenai lawatan rasminya ke Thailand, Dr. Mahathir berkata, ia adalah untuk merapatkan lagi hubungan kedua-dua hala.

Katanya, terdapat beberapa masalah kecil yang perlu diselesaikan termasuk soal penyaluran gas dari kawasan pembangunan bersama.

Ia juga untuk menentukan kerjasama tiga negara menerusi kawasan pertumbuhan segi tiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT), katanya.